

11 NOV 1997

MAHATHIR: M'SIA TIDAK AKAN HALANG PEGAWAI AS SIASAT PETRONAS

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Malaysia tidak akan menghalang pegawai-pegawai Amerika Syarikat (AS) untuk menyiasat pembabitian Petronas dalam projek carigali minyak di Iran yang dikendalikan bersama dengan firma-firma dari Perancis dan Russia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini, hari ini.

Bagaimanapun, "kita mahu mengetahui apa soalan yang akan dikemukakan oleh Amerika Syarikat kepada Petronas...dan kita akan memberikan jawapan yang sewajarnya," katanya.

Dr Mahathir juga berkata "jika mereka (AS) mahu menyekat kita...kita tidak boleh terima tindakan itu...mereka juga mesti menyekat Russia dan Perancis."

"...hanya kerana kita lemah, mereka tidak boleh melakukan tindakan seumpama itu (untuk menyekat kita)tetapi dalam masa yang sama (membenarkan) negara-negara besar meneruskan projek berkenaan," katanya apabila diminta membuat ulasan mengenai ancaman oleh AS untuk mengenakan sekatan ke atas negara-negara yang berurusan dengan Iran.

Pada Ahad lalu, James Warren daripada Perkhidmatan Penerangan AS berkata di Washington bahawa seorang pegawai AS dijangka akan tiba di sini pada 18 Nov ini untuk menjalankan siasatan ke atas urusan perniagaan Petronas di Iran. Pegawai itu dilaporkan telah pergi ke Paris, Moscow dan Ottawa untuk menjalankan penyiasatan yang serupa membabitkan syarikat dari negara-negara terbabit.

Warren berkata pegawai AS itu akan menyiasat jenis teknologi yang dipindahkan ke Iran berikutan timbul kebimbangan sama ada pemindahan teknologi itu akan membolehkan Teheran mengeluarkan senjata.

Petronas, bersama dengan Total, syarikat tenaga dari Perancis dan Gazprom dari Rusia telah mengumumkan rancangan untuk membuat pelaburan sebanyak AS\$2 bilion (kira-kira RM6.6 bilion) bagi membangunkan industri gas Iran, yang didakwa oleh Washington sebagai mengengkar undang-undang sekatan AS.

Konsortium itu telah mengikat satu perjanjian dengan sebuah syarikat kebangsaan Iran bagi memajukan sebahagian daripada kawasan gas South Pars berhampiran dengan sempadan maritim Iran dengan Qatar.

Perbadanan minyak nasional Malaysia itu menerusi anak syarikat milik penuhnya, Petronas Carigali Overseas Sdn Bhd, memeterai perjanjian dengan Total pada Jun 1996 bagi memperolehi 30 peratus pegangan dalam medan minyak Sirri A dan E di Iran, kontrak pertama yang diserahkan kepada syarikat Perancis pada 1995.

Ketua pegawai eksekutif Petronas Datuk Mohamed Hassan Marican dipetik sebagai berkata pada September lalu, Petronas akan meneruskan pembangunan di medan minyak itu yang mempunyai simpanan sebanyak 600 juta tong, dan jumlah pelaburan yang diperlukan untuk membangunkan dua kawasan minyak itu adalah AS\$600 juta (RM1.98 bilion).

Di bawah Akta Sekatan Iran-Libya yang dicadangkan oleh Senator Alfonse d'Amato dari New York dan diluluskan oleh Kongres AS pada tahun lalu, Presiden AS diperlukan mengenakan sekatan ke atas mana-mana syarikat asing yang melabur lebih daripada AS\$20 juta (RM66 juta) ke dalam industri tenaga di Iran dan Libya, negara-negara yang didakwa oleh AS sebagai pengganas antarabangsa.

Sejak AS melahirkan hasrat itu, menteri-menteri Kabinet serta anggota pembangkang menyuarakan bantahan keras terhadap pendirian Washington dengan

menyatakan usaha-usaha untuk menghalang Petronas melabur di negara lain ibarat memperkecilkan kedaulatan Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha berkata hari ini, pelaburan Malaysia di Iran sejajar dengan dasar Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang membenarkan semua negara mengadakan hubungan dagangan antara satu sama lain.

Beliau menyifatkan tindakan AS itu sebagai ingin menunjukkan kuasanya terhadap negara-negara kecil seperti Malaysia. -- BERNAMA

AA ZK MA